

Pengundi tak mahu 'PM' dari Tambun?

Utusan Online

16 April, 2013

KUALA LUMPUR 15 April - Penasihat Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, beliau tidak jadi bertanding di Tambun, Perak untuk Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13) kerana segelintir pengundi di Permatang Pauh tidak boleh menerima 'Perdana Menteri' dari Tambun.

"Saya balik ke Permatang Pauh, sebelum tazkirah ada lebai jumpa saya dan tanya, saya nak bertanding Perak di mana. Saya kata, insya-Allah di Tambun kot.

"Dia tengok saya macam masam dan dia duduk, senyum pun tidak. Selepas tazkirah, dia datang dan beritahu tidak boleh terima kerana takkan Perdana Menteri datang dari Tambun, mesti datang dari Permatang Pauh," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap sebelum mengumumkan calon-calon PKR di Selangor untuk PRU-13 di padang bola sepak AU2, Keramat di sini malam tadi.

Anwar pernah menyuarakan hasrat untuk bertanding di Perak, namun memilih mempertahankan Permatang Pauh yang disandangnya sejak mengambil alih kerusi Parlimen berkenaan daripada isterinya, Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail selepas pilihan raya kecil pada 26 Ogos 2008.

Memanjangkan lagi alasannya, Anwar berkata, beliau turut berjumpa dengan beberapa imam dan guru agama di Permatang Pauh yang ingin mendapatkan pengesahan tentang hasratnya bertanding di Perak.

"Mereka berkata masa susah di sini, dah senang nak pergi negeri orang. Sebab itu saya putus tetap di Permatang Pauh," ujarinya.

Katanya, kerusi Parlimen Permatang Pauh akhirnya menjadi pilihannya walaupun persiapan telah dibuat di Tambun bagi membantu kempen pakatan pembangkang.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source : http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan_Raya/20130416/px_33/Pengundi-tak-mahu-PM-dari-Tambun#ixzz2ZuLYCoqk